

# Sabah berpotensi jadi sumber kajian perubatan

UB 24/11/2011 BC

KOTA KINABALU: Kekayaan sumber alam semulajadi yang dimiliki Sabah serta usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan oleh kerajaan negeri dan pusat merupakan satu kelebihan kepada para pengkaji khususnya dalam bidang perubatan.

Sabah yang memiliki kawasan luar bandar yang agak luas memerlukan penduduk kawasan berkenaan didekah dengan kesedaran dan pendidikan perubatan yang berkualiti.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brigadier Jeneral Profesor Datuk Seri Panglima Kamaruzaman Ampon berkata demikian pada Majlis Makan Malam Persidangan "The 3rd International Conference on Rural Medicine (ICORM) 2011 di salah sebuah hotel terkemuka di sini, pada Selasa.

Majlis itu telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun.



**MENCUBA...**Para peserta ICORM 2011 mencuba salah satu tarian tradisi masyarakat Sabah iaitu Mogunatip.

Kamaruzaman berkata, untuk membudayakan aktiviti kesihatan serta penyediaan kemudahan kesihatan bagi penduduk luar bandar di negeri ini, pihak UMS melalui

Sekolah Perubatannya telah mewujudkan Klinik Kesihatan Masyarakat UMS di Sikuati, Kudat.

"Ini adalah usaha kerajaan untuk memperbaiki dan meningkatkan perkhidmatan

kesihatan di luar bandar khususnya di Sabah yang masih agak ketinggalan dan statistik telah menunjukkan bahawa peratusan penyakit-penyakit berjangkit di kawasan itu masih belum memperlihatkan sebarang penurunan.

"Justeru, pembinaan Klinik Kesihatan Masyarakat UMS ini dijangka dapat meningkatkan keberkesanan dari segi penjagaan kesihatan di kawasan Kudat, Kota Marudu dan kawasan sekitarnya," tambahnya.

Persidangan ICORM itu juga, kata Kamaruzaman, memberi ruang dan peluang kepada para ahli akademik daripada seluruh negara yang mengambil bahagian

untuk berkongsi idea serta bertukar pendapat berkaitan isu perubatan desa.

Pertukaran pandangan dan idea dalam kalangan pakar-pakar perubatan adalah perlu kerana akhirnya pendekatan seumpama itu akan memberi manfaat dan memperkayakan pengalaman dan keupayaan masing-masing serta menyumbang kepada kesihatan dan penyelidikan perubatan sejagat, katanya.

Turut hadir, Pemangku Dekan Sekolah Perubatan UMS, Profesor Madya Dr D Kamarudin D Mudin, Pengerusi Pengangur Persidangan ICORM ke-3, Profesor Madya Dr Shamsul Bahari Shamsudin serta para perwakilan yang terlibat.



**TETAMU KEHORMAT...**Para tetamu kehormat yang hadir iaitu Masidi (duduk tengah) dan Kamaruzaman (duduk dua dari kiri).